

11 JUL 2004

PEMUDA: HISHAMUDDIN DAPAT 9 PENCALONAN, KHAIRY 8 DAN MUKHRIZ 1 DI JOHOR

JOHOR BAHARU, 11 Julai (Bernama) -- Anak bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Mukhriz, hari ini mendapat satu pencalonan dari Johor untuk bertanding jawatan naib ketua Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan parti Sept ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Johor, Ayub Rahmat berkata pencalonan itu diberikan oleh Pemuda Umno Bahagian Kulai yang bermesyuarat hari ini.

Katanya, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mendapat sokongan penuh daripada sembilan bahagian Pergerakan Pemuda Umno yang bersidang di Johor.

Sembilan bahagian Pemuda Umno itu ialah Air Hitam, Parit Sulong, Johor Baharu, Pulai, Batu Pahat, Gelang Patah, Tanjung Piai, Ledang dan Kulai.

Khairy Jamaluddin pula mendapat lapan pencalonan untuk jawatan naib ketua Pemuda Umno iaitu Air Hitam, Parit Sulong, Johor Baharu, Pulai, Batu Pahat, Gelang Patah, Tanjung Piai dan Ledang.

-- BERNAMA

BH AZH